

**PENGAJARAN BERKESAN HAFAZAN AL-QURAN BERDASARKAN  
JUMLAH AYAT**

**Oleh:**

**Ashraf Ismail  
Ab. Halim Tamuri  
Kamarulzaman Abdul Ghani  
Nurul Hudaa Hassan  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia**

***Abstrak***

*Pengajaran hafazan al-Quran berdasarkan jumlah ayat adalah satu alternatif menarik yang ditawarkan kepada semua peringkat umur yang berminat menghafaz al-Quran. Amalan ini sebenarnya telah dimulakan oleh Junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w sejak 1432 tahun yang lampau. Kaedah ini berdasarkan jumlah 5 ayat al-Quran dalam surah al-'Alaq yang mula-mula sekali diturunkan oleh Allah s.w.t ke atas Rasulullah s.a.w. Berdasarkan sunnah Nabi inilah maka sebahagian ulama' seperti Abu al-Fida'(2008) telah mengembangkan kaedah hafazan 5 ayat al-Quran sehari di dalam kitabnya Kaifa Nahfaz al-Quran. Beliau telah membuat pengiraan sekiranya al-Quran dihafaz 5 ayat sehari maka dalam tempoh lebih kurang 5 tahun 2 bulan 7 hari, 30 juz' dapat dihafaz sepenuhnya insyaAllah. Selepas itu timbulah idea-idea baru dalam kalangan ulama' yang turut mencetuskan kaedah yang sama tetapi berdasarkan jumlah ayat yang berbeza. Kepelbagaiannya inilah yang menjadi method dan amalan pengajaran hafazan al-Quran di seluruh pelusuk dunia termasuk Malaysia.*

### ***Abstract***

*Teaching hafazan al-Quran based on the total of sentences is an alternative offered to all ages who wish to memorize the al-Quran. This practice is actually initiated by our beloved Prophet Muhammad over 1432 years ago. This method is based on the five verses of the al-Qur'an in Surah al-'Alaq who first revealed by Allah to the Prophet Muhammad. Based on the tradition of the Prophet, some scholars such as Abu al-Fida '(2008) has developed a method of hafazan. The method of hafazan is memorizing five verses of the Qur'an a day as describes in his book "Kaifa Nahfaz al-Quran". He made a calculations, if memorized the al-Quran five sentences a day, then within about 5 years, 2 months and 7 days, entirely the 30 juz ' of al-Quran can be memorized properly with God willing. Next came new ideas among the scholars who also generated the same method but based on the number of different sentences. Diversity of ideas is the practice of teaching the hafazan al-Quran around the world including Malaysia.*

## **PENDAHULUAN**

Al-Quran adalah kitab suci terakhir yang diturunkan oleh Allah s.w.t ke atas Nabi Muhammad s.a.w. Kandungannya sarat dengan pengajaran dan hukum-hakam kehidupan di dunia sampai ke akhirat. Al-Ik (1994) menjelaskan bahawa barangsiapa mempelajari al-Quran beroleh kemajuan, berhujah dengannya beroleh kebenaran, berhukum dengannya beroleh keadilan, beramal dengannya beroleh ganjaran dan menyambut seruannya beroleh hidayah di sepanjang zaman. Mansur (1999) mendefinisikan al-Quran adalah kalam Allah s.w.t yang penuh dengan mukjizat, membacanya adalah suatu ibadat, diturunkan ke atas Nabi Muhammad s.a.w, dipindahkan kepada kita secara mutawatir, dimulakan dengan surah al-Fatihah dan disudahi dengan surah al-Nas.

Atas dasar kemuliaan dan keagungan inilah, maka Allah s.w.t telah memelihara

al-Quran daripada sebarang bentuk perubahan, pertukaran dan penyelewengan di dalam dada para huffaz al-Quran (Ismail 1990). Oleh itu, al-Suyuti (1988) menjelaskan bahawa hukum menghafaz dan mempelajari al-Quran adalah fardhu kifayah. Hukum ini sebenarnya bertepatan dengan sunnah Nabi Muhammad s.a.w yang juga menerima al-Quran dengan kaedah hafazan melalui perantaran Jibil a.s. Benarlah Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Hijr ayat 9 :

إِنَّا هُنَّ نَزَّلْنَا عَلَيْكُمْ رُحْمَةً مِّنْ أَنْفُسِكُمْ وَإِنَّا لَهُ عَنِ الْحَفِظِ لَوْلَىٰٓ

Maksudnya: *Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kamilah juga yang memelihara dan menjaganya*

#### **HAFAZAN AL-QURAN DI ZAMAN RASULULLAH S.A.W DAN SAHABAT**

Pengumpulan al-Quran di zaman Nabi Muhammad s.a.w melalui dua kaedah termasyhur iaitu hafazan di dalam dada dan menulis pada kepingan-kepingan batu, pelepas tamar, kulit binatang dan lain-lain. Namun kaedah hafazan adalah kaedah yang paling terkenal dan efektif sehingga Rasulullah (s.a.w) pernah digelar sebagai *Sayyid al-Huffaz* iaitu Penghulu bagi segala huffaz (Al-Sabuni 1987). Ketika penurunan al-Quran, Rasulullah s.a.w sangat ghairah mengulang-ulang dan menghafaznya bersama dengan bacaan Jibril a.s kerana baginda bimbang tidak dapat menghafaz dengan baik. Hal ini telah ditegur oleh Allah s.w.t di dalam surah Thaha ayat 114:

وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْءَانِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَىٰ إِلَيْكَ وَحْيُهُ۝

Maksudnya : *Dan janganlah kamu tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum disempurnakan mewahyukannya kepadamu.*

Dalam ayat tersebut Allah s.w.t telah memerintahkan Rasulullah s.a.w agar diam

dan mendengar dahulu bacaan Jibril a.s dengan baik sebelum menghafaznya. Begitu juga firman Allah dalam surah al-Qiyamah ayat 16-19:

لَا تُحِرِّكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ﴿١٦﴾ إِنَّ عَلَيْنَا جَمَعَهُ وَقُرْءَانَهُ

فِإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُ

- Maksudnya :**
16. *Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca) Al Quran Karena hendak cepat-cepat (menguasai)nya*
  17. *Sesungguhnya atas tanggungan kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya.*
  18. *Apabila kami Telah selesai membacakannya Maka ikutilah bacaannya itu.*
  19. *Kemudian, Sesungguhnya atas tanggungan kamilah penjelasannya.*

Melalui kekuatan kaedah hafazan inilah maka Rasulullah s.a.w mengajarkan pula al-Quran kepada para sahabat sehingga berjaya melahirkan tokoh-tokoh besar huffaz dan penulis-penulis wahyu dalam kalangan mereka seperti Zaid bin Thabit, Ubay bin Ka'ab, Muaz bin Jabal, Muawiyah bin Abi Sufyan, Khulafa' al-Rasyidin dan lain-lain (Al-Dhabba' 1974).

## KELEBIHAN MENGHAFAZ AL-QURAN

Al-Jazari(1977) menegaskan bahawa kemampuan menghafaz al-Quran merupakan satu anugerah daripada Allah s.w.t yang paling khusus lagi istimewa kepada umat Islam sejagat. Berbeza dengan ahli kitab kerana kitab-kitab mereka hanya sekadar dibaca dan dikaji bukan untuk dihafaz. Demikianlah hebatnya kedudukan huffaz al-Quran di sepanjang zaman sehingga Rasulullah s.a.w sendiri mengiktiraf mereka sebagai sebaik-baik umat. Sabda Nabi s.aw. :

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْءَانَ وَعَلِمَهُ

Maksudnya: *Semulia-mulia kamu adalah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya* (Al-Hadith, riwayat al-Bukhari dan dikeluarkan oleh al-Bukhari

dalam Fadhal al-Quran dan al-Tirmizi dalam al-Sunan).

## PENGAJARAN SECARA RASMI TAHFIZ AL-QURAN DI MALAYSIA

Di Malaysia sejarah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran bermula secara rasminya apabila Perdana Menteri yang pertama Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menubuhkan Maahad Tahfiz Al-Quran pada tahun 1966. Mula beroperasi sebagai kelas tahfiz al-Quran di Masjid Negara Kuala Lumpur (Darul Quran 2006). Menurut Wan Muhammad (1997) penubuhan Maahad Tahfiz Al-Quran bermatlamat melahirkan hafiz dan hafizah, qari dan qari'ah dalam bidang pembacaan dan pengajian al-Quran serta ilmu-ilmu Islam, bertujuan menjaga kesihihan dan kesucian al-Quran bagi menunaikan tuntutan Fardhu Kifayah.

Penubuhan Maahad Tahfiz Masjid Negara telah merintis pembukaan maahad tahfiz di setiap negeri. Penubuhan Maahad Tahfiz Negeri di seluruh Malaysia bermula pada tahun 1979 di negeri Kelantan dan diikuti oleh Terengganu, Perak, Kedah, Perlis dan Selangor. Sehingga kini terdapat 10 buah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri yang mengikuti sepenuhnya kurikulum Darul Quran bagi melayakkan pelajar mereka dianugerahkan Diploma Tahfiz Al-Quran oleh Darul Quran JAKIM.

## PENGAJARAN HAFAZAN AL-QURAN BERDASARKAN JUMLAH AYAT

Pengajaran hafazan al-Quran merupakan satu amalan daripada sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Ini bermakna mengajar hafazan al-Quran adalah suatu amalan mulia yang diwarisi sejak ayat 1-5 surah al-'Alaq diturunkan ke atas diri Rasulullah s.a.w. sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-'Alaq ayat 1-5 :

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ أَفْرَأَ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ۝

الَّذِي عَلِمَ بِالْقَلْمَر ۝ عَلِمَ الْإِنْسَنَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝

Maksudnya:

1. *Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang Menciptakan,*
2. *Dia Telah menciptakan manusia dari segumpal darah.*
3. *Bacalah, dan Tuhanmulah yang Maha pemurah,*
4. *Yang mengajar (manusia) dengan perantaran kalam*
5. *Dia mengajar kepada manusia apa yang tidak diketahuinya.*

Ayat 1-5 surah al-'Alaq telah menjadi asas kepada amalan pengajaran dan pembelajaran tahlif di kalangan para ulama' Qurra'. Abu al-Fida' (2008) menyatakan bahawa jika seorang guru tahlif mewajibkan pelajarnya menghafaz lima ayat sehari maka keseluruhan al-Quran akan dapat dihafaz dalam masa lima tahun dua bulan dan tujuh hari.

Abu al-Fida' (2008) menjelaskan bahawa pengajaran kaedah hafazan 5x5 ini amat sesuai bagi semua peringkat umur iaitu bermula dari umur 5 tahun ke atas. Ini bermakna, sekiranya seorang kanak-kanak berusia 5 tahun mula menghafaz al-Quran 5 ayat sehari maka insyaAllah ia akan dapat menamatkan hafazan 30 juz' al-Quran ketika usianya 10 tahun. Sangat mudah dan menyeronokkan kerana di usia muda sudah bergelar seorang hafiz al-Quran. Ini baru memanfaatkan 5 ayat sehari untuk tempoh masa lima hari. Bayangkan faedahnya jika dimanfaatkan 5 ayat sehari untuk tempoh masa 7 hari, sudah tentulah jumlah hafazan akan bertambah bahkan akan memendekkan lagi tempoh hafazan 30 juz' al-Quran.

Memang mudah dan menyeronokkan kerana menamatkan hafazan 30 juz' al-Quran di usia muda akan membuka ruang dan peluang yang seluas-luasnya untuk aktiviti-aktiviti menjaga dan memelihara hafazan seperti *muraja'ah* (mengulang hafazan) dan *ithbat* (mengukuhkan hafazan) (Abu al-Fida' 2008). Isu *muraja'ah* dan *ithbat* hafazan seringkali terlepas pandang oleh para huffaz al-Quran kerana kesibukan mereka menguruskan kehidupan harian. Sedangkan menjaga dan mengekalkan hafazan hakikatnya lebih sukar daripada menghafaz al-Quran di peringkat permulaan. Oleh itu kelebihan menamatkan hafazan al-Quran di usia

muda secara tidak lansung memberi peluang dan kemudahan untuk *muraja'ah* dan *ithbat* al-Quran dengan tempoh masa yang panjang sehingga akhir hayat.

## **CIRI-CIRI PENGAJARAN HAFAZAN AL-QURAN MENGIKUT JUMLAH AYAT**

Para ulama' menjelaskan bahawa ada 7 ciri penting pengajaran hafazan al-Quran berdasarkan jumlah ayat yang perlu diberikan perhatian bagi memastikan keberkesanan perlaksanaan kaedah pengajaran. Ia mempunyai ciri-ciri berikut:

### **Talaqqi dan musyafahah**

Iaitu menerima bacaan al-Quran dari mulut guru secara lansung sebagaimana Rasulullah s.a.w menerima al-Quran secara terus dari malaikat Jibri a.s. Ini merupakan satu pakej bimbingan bacaan al-Quran secara interaksi bersemuka yang sangat berkesan bagi mengajar dan membetulkan bacaan al-Quran. Ia dikenali juga sebagai *tasmi'* iaitu memperdengarkan bacaan al-Quran di hadapan guru bertujuan mendapatkan pengesahan bacaan (Ahwani 1955).

### **Memahami ayat-ayat yang dihafaz**

Untuk memudahkan hafazan, pelajar-pelajar dewasa terutamanya digalakkan memahami dahulu tafsiran ayat-ayat al-Quran yang hendak dihafaz (Abu al-Fida' 2008). Kefahaman yang dimaksudkan di sini ialah secara umum sekadar untuk membantu melancarkan lagi hafazan al-Quran.

### **Menghafaz dan mengulang hafazan**

Pelajar dikehendaki menghafaz dan mengulang hafazan bagi setiap ayat beberapa kali sehingga lancar dan kemudian menggabungkan ayat pertama dan kedua dan begitulah seterusnya (Abu al-Wafa' 1999).

### **Mengulang hafazan di hadapan teman**

Pelajar dikehendaki mengulang hafazan al-Quran di hadapan seorang teman dan temannya itu akan mendengar, menyemak dan membetulkan bacaan jika terdapat sebarang kesalahan dan kesilapan (Abu Najihat 2002).

### **Penggunaan mushaf yang sama**

Pelajar disaran menggunakan satu mushaf al-Quran ketika menghafaz dan mengulang bacaan (Syarbini 2004). Mushaf tersebut hendaklah mempunyai halaman yang dimulai dengan awal ayat dan diakhiri dengan ayat yang tidak bersambung dengan halaman berikut (Darul Quran 2006).

### **Menulis semula ayat-ayat yang dihafaz**

Pelajar juga digalakkan menulis semula ayat-ayat al-Quran bertujuan menguatkan lagi ingatan terhadap ayat-ayat yang dihafaz. Pelajar boleh menulis di atas skrin komputer kemudian mengulang-ulang bacaannya dan memadamkannya semula (Abu al-Fida' 2008).

### **Mengulang hafazan di dalam solat**

Mengulang hafazan di dalam solat fardhu atau sunat sangat memberi kesan yang mendalam terhadap ingatan pelajar (Abu al-Fida' 2008). Hal ini sangat bersesuaian dengan pelajar-pelajar dewasa dan bertepatan dengan firman Allah swt: Sesungguhnya solat itu adalah nur dan penghubung di antara seorang hamba dengan Tuhannya. Oleh itu ketika seseorang hamba bersolat dan menghafaz al-Quran di dalam solatnya maka sangat jarang yang dilupakan Allah hafazannya (Abu al-Fida' 2008).

## **KAEDAH ABU AL-FIDA' DALAM PENGAJARAN HAFAZAN AL-QURAN MENGIKUT JUMLAH AYAT**

Kaedah ini memerlukan pelajar menghafaz 5 ayat sehari untuk tempoh lima hari sahaja dalam seminggu. Dua hari berbaki boleh dimanfaatkan untuk aktiviti mengulangkaji ayat-ayat yang telah dihafaz. Berikut ialah kaedah pengiraan

perolehan hasil hafazan bagi tempoh seminggu, sebulan, setahun dan sehingga tamat hafazan 30 juz' al-Quran:

$$\mathbf{5 \text{ ayat} \times 5 \text{ hari} \times 4 \text{ minggu} \times 12 \text{ bulan} = 1,200 \text{ ayat.}}$$

Berdasarkan pengiraan di atas maka dalam tempoh 5 hari seorang pelajar akan dapat menghafaz sebanyak 25 ayat, 4 minggu 100 ayat dan setahun 1,200 ayat. Bagi mendapatkan hafazan 30 juz' al-Quran maka Abu al-Fida' (2008) telah membahagikan jumlah 30 juz' ayat al-Quran dengan hasil hafazan selama setahun iaitu 1,200 ayat. Berikut ialah kaedah pengiraan perolehan hasil hafazan bagi menyempurnakan hafazan 30 juz' al-Quran:

$$\mathbf{6236 \text{ ayat} \div 1,200 \text{ ayat} = 5 \text{ tahun, } 2 \text{ bulan dan } 7 \text{ hari.}}$$

Berdasarkan pengiraan di atas maka dalam tempoh 5 tahun, 2 bulan dan 7 hari seorang pelajar akan dapat menamatkan hafazan 30 juz' al-Quran. Berasaskan kaedah Abu al-Fida' ini maka jumlah hafazan boleh dikurangkan atau ditingkatkan oleh guru tahfiz berdasarkan kemampuan dan kemahiran pelajar. Berikut ialah contoh jadual pengiraan bagi kepelbagaian jumlah ayat-ayat hafazan al-Quran.

<b>Bil.Ayat-</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Jumlah</b>	<b>Anggaran Tahun</b>
<b>Ayat</b>	<b>Hafazan 5</b>	<b>Hafazan 4</b>	<b>Hafazan 12</b>	<b>Khatam Al-</b>
<b>Hafazan</b>	<b>Hari</b>	<b>Minggu</b>	<b>Bulan</b>	<b>Quran</b>
1 ayat	5 ayat	20 ayat	240 ayat	25 tahun 9 bulan 8 hari
2 ayat	10 ayat	40 ayat	480 ayat	12 tahun 9 bulan 9 hari
3 ayat	15 ayat	60 ayat	720 ayat	8 tahun 6 bulan 6 hari
4 ayat	20 ayat	80 ayat	960 ayat	6 tahun 4 bulan 10 hari
5 ayat	25 ayat	100 ayat	1200 ayat	5 tahun 2 bulan 7

				hari
6 ayat	30 ayat	120 ayat	1440 ayat	4 tahun 3 bulan 3 hari
7 ayat	35 ayat	140 ayat	1680 ayat	3 tahun 7 bulan 1 hari
8 ayat	40 ayat	160 ayat	1920 ayat	3 tahun 2 bulan 5 hari
9 ayat	45 ayat	180 ayat	2160 ayat	2 tahun 8 bulan 9 hari
10 ayat	50 ayat	200 ayat	2400 ayat	2 tahun 6 bulan 3 hari

---

## KESIMPULAN

Kaedah menghafaz al-Quran mengikut jumlah ayat hakikatnya adalah satu kaedah pengajaran yang sangat fleksibel dan sesuai bagi semua peringkat umur. Apa yang penting ialah kesanggupan guru tahfiz untuk meneroka kaedah baru dalam usaha mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan tujuan meningkatkan lagi minat dan penguasaan pelajar terhadap hafazan al-Quran. Namun membaca dan menghafaz al-Quran di hadapan guru tidak boleh diabaikan sama sekali. Membaca dan menghafaz di hadapan guru akan dapat membetulkan kesilapan pelajar di dalam bacaan dan memudahkan hafazan. Bimbingan guru yang seperti ini hendaklah berterusan terutamanya dalam aspek *muraja'ah* dan *ithbat* hafazan bagi pelajar yang telah menamatkan hafazan 30 juz' al-Quran. Selain dari meningkatkan kemahiran dan penguasaan pelajar terhadap hafazan al-Quran, kaedah ini juga mampu menyemai kemahiran bersosial, memupuk pemikiran kritis, semangat berpasukan dan mengeratkan lagi hubungan antara sesama pelajar dan guru.

## **RUJUKAN**

Al-Quran.

Al-Bukhari, Muhammad Ismail (1400H) *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arab.

Al-Dabba', Ali-Syeikh Ali Muhammad (1974) *Kitaban fi al-Qiraat al-Asyar*. Misr: Maktabah al-Halabi.

Al-Jazari, Ahmad bin Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali (1977). *Syarh Tayyibat al-Nasyr fi al-Qiraat al-'Asyar*. Misr: Nafaqat al-Idarat al-'Ammat li al-Ma'ahid al-Azhariyah.

Al-Ik, Al-Syeikh Khalid Abd. Rahman (1994). *Al-Furqan wal-Quran*. Damsyik: Al-Halbuni.

Al-Sabuni, Muhammad Ali (1987). *Al-Tibyan fi Ulum al-Quran*. Makkah: Dar al-Sabuni.

Al-Suyuti, Al-Hafiz Jalaluddin (1988).. *Al-Itqan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Maktabah al-Asriyyah.

Abu al-Wafa', Aliyallah Ali (1999). *Al-Nur al-Mubin li Tahfiz al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Wafa'.

Abu Najihat al-Hafiz (2002). *Panduan bagi hafiz-hafizah dan qari' dan qari'ah*. Selangor. Penerbit Darul Iman.

Ahwani, Ahmad Fuad (1955). *Al-Tarbiyyah fi al-Islam aw Ta'lim fi Ra'yi al-Qabisi*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.

Al-Syarbini, Ibrahim Abd. Muim (2004). *Al-Sabil ila al-Jinan bi Bayan Kaifa Yuhfaz al-Quran*. Zaqqaziq: Dar Ibn. Kathir.

Abu al-Fida' Muhammad "Izzat Muhammad (2008). *Kaifa Nahfaz al-Quran*. Misr: Dar al-Salam.

Darul Quran (2006). *Sejarah Darul Quran*. Bahagian Perhubungan Darul Quran JAKIM.

Ismail, Dr. Sya'ban Muhammad Ismail (1990). *Mulakhas Ahkam al-Tajwid*. Cairo: Maktabah Al-Azhar.

Mansur, Dr. Muhammad Khalid Abd. Aziz (1999). *Al-Wasit fi Ilmi al-Tajwid*. Al-Urdun: Dar al-Nafais.

Wan Muhammad Abdul Aziz (1997). Pengurusan maahad tahfiz al-Quran: Pengalaman Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Jurnal Darul Quran Bil 3.1-15*.